

LAWATAN DARI KEDUTAAN CHINA KE UniMAP

Tanggal 13 Ogos 2007, sekali lagi UniMAP menerima lawatan daripada delegasi Kedutaan China. Delegasi tersebut terdiri daripada H.E. Cheng Yong Hua - Duta Besar China ke Malaysia, Ms. Wang Wan, Ms. Cheng Yu, Mr. Shang Zheng dan Mr. Keith Li. Y.T.M Tuanku Canselor yang telah menjadi pemangkin dalam merealisasikan lawatan mereka ke UniMAP.

Selepas sesi perjumpaan dan dialog yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Dato' Naib Canselor diadakan, lawatan ringkas ke sekitar UniMAP telah diadakan semasa sesi tersebut.

Diharap ini adalah sebagai satu titik permulaan bagi jalinan kerjasama di antara UniMAP dan organisasi lain dari China dengan kerjasama kedutaan pada masa akan datang.

UniMAP juga dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik, Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan dan Dekan Pusat Hal Ehwal Antarabangsa, Dalam pada itu, En. Ahmad Fuad daripada SEDC turut hadir.